

MENCARI RENTAK

Isu seputar pelaporan kewangan suku tahunan atau setengah tahunan kini bukan lagi sekadar soal kekerapan tetapi sama ada rangka kerja pelaporan yang sedia ada masih mampu mengimbangi antara ketelusan, perlindungan pelabur, kecekapan kawal selia dan keperluan pasaran modal yang semakin berkembang.

PELAPORAN SUKU TAHUNAN ATAU SETENGAH TAHUNAN?

Pelaporan kewangan suku tahunan di Malaysia bermula daripada perubahan peraturan pada tahun 1999, apabila Bursa Malaysia mewajibkan syarikat tersenarai menggantikan pelaporan setengah tahunan dengan pelaporan suku tahunan yang perlu diumumkan dalam tempoh dua bulan selepas berakhirnya setiap suku kewangan. Langkah ini diperkenalkan susulan krisis kewangan Asia 1997–1998 dengan tujuan meningkatkan ketelusan pasaran, memperkukuh akauntabiliti korporat serta memastikan pelabur menerima maklumat kewangan dengan lebih cepat.

Kini, laporan kewangan suku tahunan menjadi sebahagian daripada kewajipan pelaporan berkala di bawah Syarat Penyenaraian Pasaran Utama dan Pasaran ACE Bursa Malaysia.

Walau apa pun pandangan masing-masing, pelaporan suku tahunan sejak sekian lama dianggap sebagai mekanisme penting untuk menggalakkan ketelusan, disiplin pasaran dan penentuan harga saham yang lebih tepat pada masanya.

Pada asasnya, laporan kewangan suku tahunan memberikan gambaran berkala kepada pelabur tentang kedudukan kewangan dan prestasi operasi sesebuah syarikat awam tersenarai awam (PLC). Ramai pelabur berpengalaman mengakui bahawa pelaporan suku tahunan mempunyai beberapa kelebihan:

- **Lebih telus:** Pelabur dan pemegang saham menerima maklumat kewangan dengan lebih kerap, yang membolehkan mereka membuat keputusan pelaburan yang lebih tepat.
- **Mengesan masalah lebih awal:** Pendapatan yang merosot, peningkatan kos, penyusutan margin keuntungan atau trend negatif lain dapat dikenal pasti lebih awal. Ini membolehkan pihak pengurusan mengambil tindakan pembetulan dengan segera, manakala pelabur pula dimaklumkan lebih awal.
- **Meningkatkan keyakinan pelabur:** Pendedahan maklumat yang konsisten dan telus dapat mengukuhkan kepercayaan antara syarikat dengan pemegang saham.
- **Penentuan harga saham yang lebih pantas:** Penyediaan maklumat kewangan yang lebih kerap membolehkan pasaran bertindak balas dengan lebih cepat terhadap perubahan prestasi sebenar sesebuah syarikat.

Mengapakah Pelaporan Suku Tahunan Dipersoalkan?

Walaupun mempunyai pelbagai kelebihan, semakin ramai pihak mempersoalkan sama ada pelaporan suku tahunan masih merupakan model kawal selia yang paling sesuai.

Pengkritik berpendapat bahawa sistem ini boleh meningkatkan kos pematuhan, pentadbiran dan penyediaan laporan untuk syarikat tersenarai. Pada masa yang sama, ia memberikan tekanan kepada pihak pengurusan untuk memenuhi jangkaan keuntungan jangka pendek, yang membuatkan syarikat lebih memberi tumpuan kepada prestasi setiap suku tahun berbanding dengan strategi dan penciptaan nilai untuk jangka

panjang. Penyediaan laporan yang kerap turut menggunakan banyak masa serta sumber daripada pihak pengurusan, kewangan dan audit, sedangkan sumber tersebut boleh dimanfaatkan untuk inisiatif strategik dan komunikasi yang lebih bermakna kepada pelabur. Keputusan kewangan suku tahunan syarikat yang tersasar sedikit sahaja daripada jangkaan pasaran pula berpotensi meningkatkan turun naik harga saham.

Perdebatan mengenai pelaporan suku tahunan atau setengah tahunan sebenarnya tertumpu kepada satu persoalan utama: adakah manfaat menerima maklumat kewangan setiap tiga bulan masih mengatasi kos serta kesan sampingan yang timbul daripada pelaporan suku tahunan?

Bagaimanakah Amalan di Negara Lain?

Semakin banyak pasaran modal di peringkat global sudah beralih daripada pelaporan suku tahunan yang diwajibkan untuk semua syarikat.

Walaupun Amerika Syarikat sudah sejak sekian lama mengekalkan pelaporan suku tahunan, banyak pasaran modal utama lain menjadikan pelaporan setengah tahunan sebagai keperluan asas. Bahkan, Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa Amerika Syarikat (SEC) dilaporkan sedang memuktamadkan cadangan yang membolehkan syarikat tersenarai beralih daripada pelaporan suku tahunan kepada pelaporan setengah tahunan.

Dalam Kesatuan Eropah, kewajipan pelaporan suku tahunan telah dimansuhkan melalui pembaharuan terhadap Arahan Ketelusan (Transparency Directive) yang mensyaratkan pelaporan setengah tahunan sebagai keperluan minimum. United Kingdom turut mengambil pendekatan yang sama kerana bimbang pelaporan yang terlalu kerap boleh menggalakkan pemikiran jangka pendek dalam kalangan syarikat tersenarai.

Di rantau Asia Pasifik pula, pasaran utama seperti Australia, Hong Kong dan Jepun juga sudah beralih daripada laporan suku tahunan dan menjadikan pelaporan setengah tahunan sebagai keperluan asas pelaporan kewangan.

Di seberang Tambak Johor, Singapura turut beralih kepada pelaporan setengah tahunan pada tahun 2020 selepas memansuhkan kewajipan pelaporan suku tahunan untuk semua syarikat. Kini, hanya syarikat yang dianggap berisiko tinggi masih diwajibkan mengemukakan laporan suku tahunan, contohnya syarikat yang menerima pendapat audit yang diubah suai atau yang berdepan ketidakpastian berkaitan keupayaan untuk meneruskan operasi.

Pendekatan berasaskan risiko ini menarik untuk dipertimbangkan. Daripada mengenakan syarat yang sama kepada semua PLC, pengawal selia boleh membezakan keperluan pelaporan berdasarkan profil risiko, kedudukan kewangan, rekod tadbir urus dan faktor lain yang berkaitan.

Pengalaman Bursa Serantau

Pendekatan yang diamalkan oleh Singapore Exchange (SGX) dan Hong Kong Exchanges and Clearing (HKEX) menawarkan perbandingan yang berguna.

SGX mengguna pakai model pelaporan setengah tahunan yang berasaskan risiko, di mana kebanyakan syarikat dengan kedudukan kewangan yang sihat tidak lagi diwajibkan untuk mengemukakan laporan suku tahunan. Sebaliknya, HKEX mengekalkan kerangka pelaporan kewangan setengah tahun sebagai keperluan asas, pada masa yang sama masih menekankan pendedahan secara berterusan serta beberapa pengecualian khusus. Walaupun menggunakan pendekatan yang berbeza, kedua-dua bursa ini berusaha mengurangkan jurang maklumat dengan memperkukuh pendedahan yang berkaitan dengan peristiwa penting dan maklumat bukan kewangan.

Di bawah kerangka berasaskan risiko, SGX telah menghapuskan pelaporan suku tahunan mandatori untuk kebanyakan penerbit dengan beralih kepada kitaran pelaporan setengah tahunan. Pelaporan suku tahunan hanya diwajibkan kepada syarikat yang berisiko tinggi, seperti syarikat yang menerima pendapat audit yang diubah suai, berdepan ketidakpastian untuk meneruskan operasi atau tertakluk kepada kebimbangan tertentu daripada pihak pengawal selia.

Secara keseluruhan, model pelaporan setengah tahunan SGX dapat membantu mengurangkan beban pematuhan, keletihan akibat penyediaan laporan yang terlalu kerap, kos pematuhan dan tekanan untuk memberikan tumpuan kepada prestasi jangka pendek, khususnya kepada syarikat yang mempunyai pendapatan yang stabil atau beroperasi dalam industri yang tidak menentu.

Di Hong Kong pula, peraturan HKEX mewajibkan syarikat tersenarai untuk menerbitkan laporan interim serta pengumuman awal keputusan kewangan untuk enam bulan pertama setiap tahun kewangan. Laporan interim ini perlu disemak oleh jawatankuasa audit syarikat dan mematuhi piawaian perakaunan yang berkenaan, iaitu HKFRS atau IFRS.

Seperti SGX, HKEX juga mengenakan syarat pelaporan yang lebih ketat terhadap syarikat tertentu yang berisiko tinggi atau mempunyai struktur khusus, manakala kebanyakan syarikat di Pasaran Utama kekal dengan kitaran pelaporan setengah tahun.

Bagaimanakah Cara Mengecilkan Jurang Maklumat?

Salah satu hujah utama terhadap pelaporan setengah tahun ialah kemungkinan wujudnya “jurang maklumat” antara tempoh pelaporan.

Enam bulan merupakan tempoh yang agak panjang untuk pelabur. Dalam tempoh tersebut, keadaan perniagaan boleh berubah dengan pantas, terutamanya dalam

industri yang dipengaruhi oleh harga komoditi, kadar faedah, kadar pertukaran mata wang asing, permintaan pengguna atau perkembangan geopolitik.

Disebabkan itu, pendedahan berterusan menjadi sangat penting. Berdasarkan amalan di SGX dan HKEX, kerangka pelaporan setengah tahunan boleh disokong oleh beberapa mekanisme bagi memastikan pelabur terus menerima maklumat yang relevan dan tepat pada masanya.

- **Pendedahan berterusan yang lebih menyeluruh:** Syarikat perlu mengumumkan perkembangan penting yang boleh mempengaruhi harga atau urusan niaga saham dengan segera, seperti pelupusan aset utama, penstrukturan semula atau pengumpulan dana yang memberi kesan kepada pegangan saham, walaupun di luar tempoh kewangan yang dijadualkan.
- **Pengawasan yang lebih ketat terhadap urusan niaga:** Urusan niaga pihak berkepentingan serta perubahan operasi yang signifikan diberikan penelitian yang lebih rapi bagi memastikan ketelusan antara tempoh pelaporan.
- **Kemas kini secara sukarela:** Kedua-dua pengawal selia menggalakkan syarikat mengeluarkan kemas kini operasi atau perkembangan perniagaan secara sukarela pada suku pertama atau suku ketiga, terutamanya jika prestasi perniagaan berubah dengan cepat.
- **Pelaporan lebih kerap untuk syarikat berisiko tinggi:** Syarikat yang menerima pendapat audit yang diubah suai, berdepan ketidakpastian untuk meneruskan operasi atau mempunyai isu kawal selia lain boleh terus tertakluk kepada pelaporan yang lebih kerap.
- **Pelaporan kelestarian dan ESG:** Pendedahan mandatori ESG atau kelestarian yang diwajibkan setiap tahun turut menambah lapisan ketelusan terhadap risiko jangka panjang, sekali gus melengkapkan maklumat kewangan dengan gambaran sebenar operasi syarikat.

Adakah Malaysia Bersedia Beralih kepada Pelaporan Setengah Tahunan?

Bagaimanapun, perdebatan ini tidak seharusnya dilihat semata-mata sebagai pilihan antara pelaporan suku tahunan atau setengah tahunan. Persoalan yang lebih penting ialah sama ada rangka kerja pelaporan Malaysia masih sesuai dengan keperluan pasaran modal pada hari ini.

Walau apa pun pendirian anda, pelaporan suku tahunan telah banyak menyumbang kepada pembangunan pasaran modal Malaysia selama beberapa dekad. Ia meningkatkan ketelusan, memperkukuh disiplin pasaran serta menyediakan akses kepada maklumat kewangan secara berkala. Kelebihan ini masih relevan, khususnya dalam pasaran yang mempunyai penyertaan pelabur runcit yang tinggi.

Namun begitu, perkembangan di peringkat antarabangsa menunjukkan bahawa kekerapan pelaporan bukanlah satu-satunya cara untuk mencapai ketelusan. Gabungan pelaporan kewangan setengah tahunan, pendedahan berterusan, pelaporan suku tahunan yang disasarkan kepada syarikat berisiko tinggi, serta keperluan tadbir urus yang kukuh berpotensi mencapai objektif yang sama, selain mengurangkan beban pelaporan yang tidak perlu.

Oleh itu, cadangan pembaharuan tidak semestinya bertujuan memansuhkan pelaporan suku tahunan, tetapi untuk beralih kepada rangka kerja yang lebih seimbang, berkadar dan berasaskan risiko, supaya lebih selari dengan keperluan pasaran modal yang semakin berkembang.

Pengalaman pasaran serantau menunjukkan bahawa mungkin wujud jalan tengah yang dapat mengimbangi antara keperluan ketelusan dengan kecekapan pelaporan.

[TAMAT]

MSWG
MINORITY SHAREHOLDERS WATCH GROUP

4 CPD HOURS
WEBINAR SESSION

GOVERNANCE THAT EARNS TRUST

WORKING WITH MCCG

27 AUGUST 2026
THURSDAY

9.00 AM - 1.00 PM

MICROSOFT TEAMS

Scan the QR Code for more details

@MSWGMalaysia mswg.org.my

MSWG
MINORITY SHAREHOLDERS WATCH GROUP

16 CPD HOURS
IN-PERSON SESSION

ENTERPRISE RISK MANAGEMENT (ERM)

Building Organisational Resilience through Structured Risk Oversight

21 & 22 SEPTEMBER 2026
MONDAY & TUESDAY

9.00 AM - 5.00 PM

THE MAJESTIC HOTEL, KUALA LUMPUR

Scan the QR Code for more details

@MSWGMalaysia mswg.org.my

MSWG
MINORITY SHAREHOLDERS WATCH GROUP

8 CPD HOURS
IN-PERSON SESSION

AML/CFT GOVERNANCE AND BOARD OVERSIGHT

Understanding Risk, Regulatory Expectations, and Leadership Accountability

24 SEPTEMBER 2026
THURSDAY

9.00 AM - 5.00 PM

AICB CENTRE OF EXCELLENCE, KUALA LUMPUR

Scan the QR Code for more details

@MSWGMalaysia mswg.org.my

MSWG
MINORITY SHAREHOLDERS WATCH GROUP

SUPPORTING BODY

The Institute of Internal Auditors Malaysia

IIAMNC 2026

NATIONAL CONFERENCE

DESIGN Resilience
BUILD Trust
LEAD the Future

21 & 22 SEPTEMBER 2026 | KUALA LUMPUR CONVENTION CENTRE

maicsa | **CGI** | **MSWG**

Supporting Partner: **MSWG**

CGI GLOBAL GOVERNANCE SUMMIT 2026

Organised in conjunction with the MAICSA Annual Conference

KLICC CONVENTION CENTRE
KUALA LUMPUR, MALAYSIA
22 & 23 SEPTEMBER 2026

»»» "Governance, Sustainability & Value Creation" «««

18 CPD HOURS (Physical)
16 CPD HOURS (Virtual)

www.maicsa.org.my
www.cgiglobal.org

@MAICSA
conference@maicsa.org.my

PENDEDAHAN KEPENTINGAN

Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam buletin ini.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Buletin ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam buletin ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam buletin ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam buletin ini. Tiada maklumat di dalam buletin ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian buletin ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas bergantung kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam buletin ini atau jika ia diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan buletin ini.